



SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	12/1/2020	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Beroperasi tidak ubah seperti zoo haram apabila pemiliknya menyimpan pelbagai spesies hidupan liar dilindungi secara tidak sah.

Tindakan lelaki berusia 50-an itu bagaimanapun mengundang padah apabila resort dikendalikan di Kluang di sini diserbu sepasukan anggota Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) kelmarin.

Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, pihaknya yang mendapat maklumat berhubung aktiviti menyalahi undang-undang itu bertindak menyerbu lokasi berkenaan pada jam 12 tengah hari.

Menurutnya, lapan pegawai penguat kuasa Jabatan Perhilitan bertindak menjalankan pemeriksaan di lokasi itu yang terletak lebih dua kilometer dari jalan utama.

"Hasil pemeriksaan + menemukan empat ekor ular sawa batik, seekor biawak tikus, seekor musang pandan, seekor kucing batu, seekor beruk dan empat ekor babi hutan.

"Turut ditemui enam ekor kura-kura, tiga ekor landak raya, seekor burung hantu, seekor burung helang dan empat ekor kera," katanya.

Menurutnya, semua hidupan liar itu dipercayai untuk dipertontonkan kepada pengunjung resort itu.

"Siasatan bagaimanapun mendapati hidupan liar berkenaan tidak memiliki dokumen yang sah daripada Jabatan Perhilitan.

"Susulan itu semua hidupan liar itu terpaksa dirampas dan dibawa ke

Pejabat Perhilitan Daerah Kluang, Johor untuk tindakan selanjutnya bagi siasatan mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716)," katanya.

Beliau berkata, individu atau pihak yang mahu memelihara haiwan liar dilindungi perlu

mendapatkan kebenaran dan lesen sah daripada Perhilitan.

Sementara itu, dalam kes berasingan, anggota Perhilitan Kelantan turut menahan dua lelaki tempatan yang menaiki sebuah kereta di Bukit Bunga, Tanah Merah,

Kelantan pada jam 11.30 malam kelmarin.

Hasil pemeriksaan dilakukan-menemui lima ekor babi hutan yang sudah mati dan disembunikan di dalam kenderaan berkenaan.

Siasatan mendapati suspek berusia 50-an dan 16

tahun itu tidak memiliki sebarang dokumen yang sah daripada jabatan Perhilitan bagi tujuan pemilikan dan penyimpanan hidupan liar itu.

Suspek kemudian dibawa ke balai Polis Bukit Bunga sebelum dibebaskan dengan jaminan.

SEBAHAGIAN daripada hidupan liar tanpa dokumen sah yang dirampas Perhilitan di sebuah resort di Kluang, Johor.




ZOO HARAM DALAM RESORT

*Perhilitan tahan lelaki 50-an guna hidupan liar
dilindungi tanpa lesen untuk tarik pengunjung*



Hidupan liar itu tidak memiliki dokumen sah daripada Perhilitan"

Abdul Kadir Abu Hashim





KERATAN AKHBAR

SURAT KHBAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	12/1/2020	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



LIMA bangkai babi hutan ditemui disembunyikan di dalam kenderaan.

